



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“INTEGRITI PEMANGKIN KELUARGA MALAYSIA”

Tarikh Dibaca :

**29 RABI'ULAWWAL 1443H/
5 NOVEMBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



INTEGRITI PEMANGKIN KELUARGA MALAYSIA

29 RABI'ULAWWAL 1443H / 5 NOVEMBER 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ١٧

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَا مِثْلَ وَلَا شَبِيهَ وَلَا ضِدَّ وَلَا نِدَّ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ وَصَفِيَّهُ وَحَبِيبَهُ مِنْ بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ
هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ
فَجَزَاهُ اللَّهُ عَنَا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan pada diri sendiri dan menyeru sidang Jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk; “Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia”.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita tetap berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Manfaatkanlah kelonggaran yang telah diberikan dengan sewajarnya. Pastikan kita benar-benar dalam kondisi yang baik sebelum melakukan perjalanan agar kita dapat melindungi diri dan orang lain dari sebarang bahaya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Ketahuilah bahawa seseorang yang menunaikan solat kerana mengharap keredhaan Allah SWT, maka berguguranlah dosa-dosanya sepertimana gugurnya daun-daun dari sebatang pokok apatah lagi bagi mereka yang menunaikannya secara berjemaah di masjid. Rasulullah SAW berwasiat kepada Abu Dzar:

يَا أَبَا ذَرٍّ قُلْتُ : لَبَّيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : إِنَّ الْعَبْدَ الْمُسْلِمَ لَيُصَلِّي الصَّلَاةَ يُرِيدُ بِهَا وَجْهَ اللَّهِ ، فَتَهَافُ عَنْهُ ذُنُوبُهُ كَمَا يَتَهَافُ هَذَا الْوَرَقُ عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ

Mafhumnya: “Wahai Aba Dzar, sesesorang hamba muslim yang menunaikan solat kerana mencari keredhaan Allah, maka berguguranlah dosanya sepertimana daun-daun yang berguguran dari (pokok ini) sebatang pokok”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Manusia diciptakan oleh Allah SWT atas dunia ini dengan memiliki beberapa tujuan, antaranya ialah untuk beribadah kepadanya, mengurus bumi serta seisinya, serta menjadi khalifah (iaitu pemimpin kepada dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain). Ia merupakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan sebagai satu bentuk ujian dalam kehidupan bagi seseorang manusia. Ia juga akan menjadi pengukur sama ada seseorang manusia itu tergolong dalam kalangan orang yang bersyukur atau menjadi orang yang kufur.

Jika amanah ini dipegang mengikut kesesuaian dengan kemampuannya, maka ia akan menjadi orang yang beruntung di dunia hingga ke akhirat. Jika mereka tersasar daripada tujuan asal kehidupannya, percayalah bahawa azab Allah itu amatlah pedih. Allah SWT memerintahkan kepada manusia agar menunaikan amanah serta memberikan amaran dengan hukum yang adil bagi dirinya dan orang lain di sekelilingnya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Bagi menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan, seseorang manusia itu perlu menitikberatkan nilai integriti dan kejujuran dalam kehidupannya, malah perlu memastikan setiap tugas yang telah dipertanggungjawabkan itu dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi.

Amanah bukanlah suatu perkara yang remeh dan tidak perlu diambil serius bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dan hak yang mesti ditunaikan kepada orang lain. Terdapat banyak nas al-Quran dan juga hadis Nabi SAW yang menjelaskan tentang kepentingan menjaga amanah. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”. **(Surah al-Anfal ayat 27)**

Pemimpin tanpa mengira di peringkat mana sekalipun, seharusnya melaksanakan setiap tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan seadil-adilnya tanpa mengira agama, bangsa dan warganegara. Hal ini bersesuaian dengan konsep integriti dan amanah yang amat berkait rapat dengan akidah bagi seseorang muslim, sepertimana

dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Mafhumnya: "Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji". **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Penghayatan nilai integriti dan amanah ini akan membawa manusia kepada pembentukan keperibadian yang unggul. Hal ini disebut berdasarkan sebuah hadis yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Mafhumnya: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang baik". **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sambutan Hari Integriti Nasional disambut pada setiap tahun bertujuan bagi memupuk kesedaran bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam malah pada setiap lapisan masyarakat tentang keperluan dan kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan. Hal ini bagi memberikan penekanan kepada usaha untuk memastikan Malaysia dikenali sebagai negara berintegriti tinggi dan bebas daripada amalan rasuah.

Manusia yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah akan menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam aktiviti kemaksiatan seperti mengamalkan amalan rasuah dalam kehidupannya. Amalan rasuah bukan sahaja mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan malah menzalimi hak orang lain di sekelilingnya.

Allah SWT menegaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۝١٨٨

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

Manakala dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr R.ANHUMA, Rasulullah SAW bersabda:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ

Mafhumnya: “Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah”. (Hadis riwayat Imam Ahmad dan Ibnu Majah)

Dalam hadis lain yang turut diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr R.ANHUMA, beliau berkata:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

Mafhumnya: “Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah” (Hadis riwayat Abu Daud, al-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Sifat *mazmumah* yang ada dalam diri seseorang individu itu tidak akan membiarkan seseorang individu tersebut berkelakuan sempurna. Apabila individu itu telah terjerumus serta dipengaruhi dengan sifat *mazmumah* ia akan melahirkan sikap dan sifat yang tidak berintegriti. Malah, akan mencerminkan bayangan negatif dalam sesebuah keluarga, masyarakat dan negara. Daripada Nu'man bin Basyir RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Mafhumnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung)”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, marilah bersama-sama kita meningkatkan azam membudayakan nilai integriti dalam diri bagi membentuk semangat Keluarga Malaysia. Jauhilah segala perkara yang boleh menjatuhkan nilai ketamadunan sesebuah masyarakat yang sekian lama terbina.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati iaitu;

Pertama: Pembudayaan nilai integriti perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian agar tidak menyimpang dari matlamat asal tujuan kehidupan.

Kedua: Penghayatan terhadap nilai-nilai yang baik (*mahmudah*) perlu diterapkan dalam diri seseorang insan bagi menjadi penyuluh jalan ke arah kebaikan.

Ketiga: Menjauhi amalan rasuah dalam sistem kehidupan dapat membina sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika, sekaligus menjadi sebuah negara yang berintegriti lagi dihormati.

Firman Allah SWT dalam Surah al-al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ
اللَّهَ كَثِيرًا ۝

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan

(balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.
بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
 النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُّجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اَللّٰهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
 بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُكُو
 حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ
 إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.